

GAYA LEBIH ANGGUN MEWAH

GLAM

MEI
2010

Modern
COUTURE
HIMPUNAN
ARMANI PRIVÉ,
CHANEL,
DIOR &
VALENTINO
PARIS

**ZALINA
AZMAN**

BERKONGSI
KISAH ANAK
SUAMI & RIBUAN
DOLAR KOLEKSI
VINTAGE
COUTURE

**KORNE
MADANI
DATI**

SUMPAH ILMU
HIDUP DATI
TERSEKUTU

10

SELEBRITI
DENGAN
ANAK
ANGKAT



PEMENANG EMAS ANUGERAH MPA 2009/2010

GLAM

GLAM SENI

GARAPAN EMOSI TOMASI



KOLEKSI WAJAH-WAJAH YANG DILUKIS ARTIS FEDERICO TOMASI KALI INI BERBAUR EKSPRESI GEMBIRA DAN SEDIH, NAMUN DIA BERJAYA MEYAKINKAN KITA BAHAWA DI DALAM KESEDIHAN MASIH TERSELIT KEINDAHAN, "THE BEAUTY OF BEING SAD." NGIANGAN KATA-KATANYA TERPAKU DI MINDA DAN MENJADI TARIKAN UNTUK DIJADIKAN SUMBER INSPIRASI GLAM UNTUK MENULIS.

Lelaki berbintang Scorpio ini juga berjiwa sensitif dan apabila mula berkata-kata, kita tidak boleh menyekatnya, *when he speaks he doesn't spill, he pours*. Pertunjukannya kali ini menampilkan 12 lukisan besar dan 12 lukisan kecil, ditulis terjemahan oleh kurator peribadi Marco Lastrucci. Subjek lukisannya bukanlah semata-mata hasil abstrak daripada lukisan aksi tetapi dengan penggunaan warna dan komposisi yang rapi, Federico menangkap dan menterjemah wajah berekspresi, emosi dan fikiran manusia sejelas mungkin melalui karya yang agak fotografik.

Sumber ilham bagi E)Motion diperolehi daripada pelbagai sudut. Dia tidak selalunya melukis gambar orang yang dikenali, kadangkala berilhamkan foto juga, namun terlebih dahulu membuat penyelidikan dan perancangan. Dia akan melukis di dalam skala kecil dan melakukan seleksi terlebih dahulu sebelum melukis pada kanvas besar. Masa bagaikan tidak wujud

There is always something about opening night. Penantian menimbulkan kekhawatiran tetapi prarasa ini terurai apabila melangkah masuk ke Galeri Zinc di malam pembukaan pertunjukan pelukis aksi Federico Tomasi yang berjudul E) Motion. Kehadiran disambut teman luna Pembantu Galeri Hudd Salleh dan pusparagam karya Federico. Yang terungkap adalah "Oh! I love this", suasana terus kian hilang kekok.

Pertama kali bersua dengan Federico, matanya tajam, petah berbual, cepat mesra tetapi peribadinya mengungkap rahsia

ketika Federico berseni. Dia boleh menyiapkan sesebuah lukisan dalam masa sehari, seminggu, sebulan ataupun setahun kerana dia kena mencari detik, perasaan dan inspirasi yang betul.

Semasa mencurahkan ilham pada kanvas kecil, Federico tidak mengurung atau menahan diri sebaliknya bersahaja dan spontan. Dia seolah-olah tidak menghiraukan hasilnya, membiarkan kanvas yang baru dilukisnya untuk beberapa hari sebelum kembali semula kepadanya untuk mendapati tindak balas kimia yang memeranjatkan. Bahantara yang digunakan iaitu cat enamel



bukanlah seperti cat minyak ataupun akrilik. Enamel selalunya digunakan untuk mengecat kereta dan bersifat licau serta kemasaannya berkilat. Kesan sesetengah curahan enamel pada kanvas umpama hablur membuatkan Federico tertarik, dia sukakan kesan enamel pada kanvas yang berubah-ubah apabila kering. Bukan sahaja seorang pelukis aksi tetapi bahantara yang digunakan juga sejenis medium yang mampu beraksi dengan sendiri. Walaupun enamel kering lebih cepat daripada cat lain namun dia masih membiarkan lukisannya

selama dua jam untuk *self-moment* sebelum membuat kemasannya terakhir. Tidak dirifikan kadangkala karya itu menghampalkannya tetapi ini adalah "*Part of the game*". Ketidak-kawalan mewujudkan interaksi, tambahan pula jikalau proses melukis terhenti tanpa interaksi, ini boleh membosankannya, "*I don't like technical things, I like to create dialogue with the art, art becomes individual too that I dialogue with and sometime we have misunderstanding.*"

Nyata pada lukisan Tomasi adalah mata yang gembira dan sedih. Ini memang sengaja dilukis untuk mewujudkan ketegangan di antara ciri-ciri abstrak dan ekspresionis. Federico mengatakan "*Sadness and happiness are part of our lives, these are elements we need to become a complete human being, sadness is not a bad thing, melancholy is the happiness of being sad*". Federico yang meminati muzik klasik memberitahu perasaannya berinteraksi dengan lukisan boleh disamakan dengan rangsangan yang diterima ketika mendengar muzik klasik, "*Heightened intimate feeling that is not superficial but very deep*". Setiap orang mempunyai pandangan dan perasaan yang berbeza-beza terhadap karyanya, ada yang suka dan ada yang tidak, dan dia sukakan reaksi sebegini kerana jikalau semua orang hanya memuji dan sukakan karyanya "*Then there must be something wrong with it*". Federico juga sengaja tidak memberi tajuk pada setiap lukisannya kerana boleh membantutkan pandangan orang ramai.

Bicara mengenai medium bahantaranya lagi, dia tidak suka melukis menggunakan cat minyak kerana prosesnya terlampau lambat dan mindanya bergerak jauh lebih pantas. Itulah sebabnya dia suka menggunakan enamel yang mancawarna dan cepat kering. Dari segi rupa bentuk, dia berjaya mendominasi "mata" sebagai subjek realis dan mengharmonikannya dengan gaya curahan cat lukisan aksi yang masih tidak mengkaburi subjek yang dilukis-pemerhati masih boleh mentafsirkan subjek yang dilukis. Garisan pada lukisannya menyemarakkan ekspresi dan gabungan tebal dan nipis, menaikkan kepukalan wajah. Nilai

pencahayaan yang digunakan juga tidaklah ketara, cuma sekadar untuk menimbulkan wajah. Melihat lukisan daripada tepi, tekstur cat enamel sungguh menghiburkan, tambahan pula ianya licau dan berkilat, geram melihat impastonya! Warna yang Federico gunakan tampil ceria dan secara peribadi terasa *bubblegum-ish*. Akhir sekali, penggunaan ruang oleh Federico berpusat di tengah kanvas sambil meninggalkan sedikit beberapa ruang putih di hujung kanvas.

Adrenalin pelukis aksi apabila bekerja agak berbeza daripada kebiasaan, berubah-ubah dan sentiasa naik turun. Apabila ditanya bagaimana dia tahu di mana dan bila untuk berhenti melukis, jawapannya "saya berhenti apabila saya mencapai ketegangan yang diinginkan sebagai ekspresi." Banyak kali dia melukis kemasannya terakhir dalam masa sebulan ataupun setahun selepas habis sesebuah karya. Falsafah beliau adalah "*I think the painting is still alive before it is being sold, it kind of dies once they got out of my studio, it sounds bad but it's a process and like human beings too, we grow up and when the time comes, we die.*"

Semasa mendekati artis ini, teringin juga tahu ideologinya tentang kehidupan. Baginya, walaupun dilahirkan beragama Kristian dia percaya bahawa hanya satu Tuhan yang wujud. Agama adalah untuk menjawab persoalan manusia mengenai kehidupan, mengawal terbit manusia dan naluri manusia yang ingin tahu "*The reason of being*". Manusia mempersoalkan kesemua ini dan agama boleh memberi jawapannya. Kadangkala dia percaya yang dunia



SIAPA FEDERICO TOMASI

PENDIDIKAN SENI
Riccione, utara Itali
1989, **STUDIO**
Bali semenjak
1997, **DEVA**
SENI Bapanya-
Arkitek. **KEJAYAAN**
Pertunjukan solo
di Galeri Glen &
Gale New York.
IKON SENI Jackson
Pollock. **STAIL**
Abstrak Ekspresionis
melalui kaedah
lukisan aksi (*action
painting*) yakni
menebarkan kanvas
pada lantai dan
melukis seperti
menari sambil
mencurahkan cat.

ini adalah syurga, dan harus hidup di dalam cara paling intensif dan positif. "Lihat sahaja sekeliling (tatkala itu berada di Galeri Zinc dan dikelilingi lukisannya yang berwarna-warni), banyak perkara ajaib yang boleh dirasakan tentang kehidupan, ini mungkin syurga. Kita hanya mempunyai satu kehidupan di dunia dan *life is beautiful*," katanya. "*Sometimes I even ask myself, what am I doing? I am still playing with colors,*" tambahnya sambil ketawa.